

Jenis Akhbar : Sinar Harian Online  
Tarikh : 12/04/2023  
Edisi / Muka Surat : <https://www.sinarharian.com.my/>  
Tajuk : Hati-hati dengan tawaran pinjaman mudah – ANGKASA

## Hati-hati dengan tawaran pinjaman mudah – Angkasa



*Masyarakat di negara ini diingatkan supaya berhati-hati dan tidak mudah percaya dengan sebarang tawaran pinjaman wang mudah sempena Aidilfitri yang akan disambut tidak lama lagi. - Gambar hiasan*

KUALA LUMPUR - Sempena perayaan Aidilfitri yang bakal disambut umat Islam tidak lama lagi, masyarakat di negara ini diingatkan supaya berhati-hati dan tidak mudah percaya dengan sebarang tawaran pinjaman wang mudah.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, terlalu banyak pinjaman ditawarkan oleh pelbagai pihak pada musim perayaan dengan syarat mudah termasuk kepada mereka yang disenarai hitam.

"Jadi saya harap mereka tidak terperangkap kalau ada tawaran yang sedemikian. Kadang-kadang scammer, ataupun (apabila) terima panggilan, kena periksa betul-betul supaya maklumatnya jelas.

"Kalau ada kemusykilan, bolehlah rujuk kepada Angkasa (untuk) mendapatkan penjelasan lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis agihan pek juadah berbuka puasa di Wisma Bernama di sini pada Rabu yang turut dihadiri Pengerusi Koperasi Bernama Berhad, Datuk Zakaria Abdul Wahab.

Terdahulu, sejumlah 300 pek makanan diagih kepada petugas agensi berita itu sebagai tanda penghargaan kepada media dalam mempromosi peranan dan aktiviti yang dilaksanakan Angkasa. - Bernama